

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 31 JULAI 2018 (SELASA)

SOALAN : 10

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia mempertimbangkan cadangan penurunan cukai jalan bagi kenderaan persendirian rakyat awam berbanding kenderaan berat dan perdagangan yang sering merosakkan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan pada masa ini tidak mempunyai perancangan untuk mengurangkan kadar fi bagi Lesen Kenderaan Motor (LKM) atau cukai jalan melibatkan kenderaan persendirian mahupun kenderaan perdagangan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, sebagai rekod, Kerajaan telah melaksanakan semakan struktur fi LKM pada tahun 2007 yang melibatkan purata pengurangan kadar fi LKM sebanyak 30%. Dalam semakan tersebut, kadar cukai jalan bagi kenderaan persendirian berkapasiti enjin 1,000cc dan ke bawah ditetapkan pada kadar yang rendah iaitu sebanyak RM20 setahun, manakala cukai jalan untuk motosikal yang berkapasiti enjin 150cc dan ke bawah ditetapkan pada kadar RM2.00 sahaja. Seterusnya, satu lagi semakan kadar cukai jalan telah dibuat dalam Bajet 2009 yang melibatkan penyelarasan kadar fi LKM bagi kenderaan persendirian diesel kepada kadar fi LKM kenderaan persendirian petrol yang secara puratanya adalah 50% lebih rendah.